

*Artikel*

**Produktiviti Buruh Lokal dalam Pertanian Kelapa Sawit**  
(*Local Labour Productivity in Oil Palm Agriculture*)

Suhana Saad & Esther Doughlas

Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekutaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

\*Pengarang Koresponden: [suhanasaad@ukm.edu.my](mailto:suhanasaad@ukm.edu.my)

Diserah: 21 September 2024

Diterima: 21 November 2024

**Abstrak** Industri sawit di Malaysia khususnya di Sarawak berhadapan dengan masalah kekurangan tenaga buruh terutama selepas negara diserang Covid 19. Ramai pekerja asing tidak dapat masuk semula ke Malaysia akibat dari sekatan yang dikenakan oleh kerajaan. Lantaran itu, pekerja tempatan terpaksa digunakan bagi melakukan kerja-kerja yang pernah dilakukan oleh buruh asing. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti produktiviti buruh lokal oleh oleh Pekebun Kecil Sawit (PKS) di Serian, Sarawak. Seramai 56 orang responden telah dipilih sebagai sampel kajian menggunakan kaedah persampelan bertujuan. Responden yang terpilih merupakan PKS yang menggunakan buruh lokal untuk berkerja di kebun mereka. Hasil kajian mendapati buruh lokal yang digunakan terdiri daripada ahli keluarga sendiri, saudara mara dan buruh kampung. Tiada buruh tempatan dari luar kawasan yang diambil berkerja. Antara jenis penglibatan yang dilakukan adalah seperti memancit pokok, membaja, memangkas, menjolok buah, mengutip buah, memunggah buah ke dalam lori dan pemandu lori. Dari segi penghasilan Buah Tandan Segar (BTS), bilangan penghasilan BTS /tan sebulan, kebanyakannya PKS memperolehi purata hasil dapatan sebulan sebanyak 1 hingga 2 tan BTS bagi setiap 1 hingga 2 ekar tanah yang diusahakan untuk penanaman kelapa sawit iaitu bersamaan 12 tan/ekar/tahun. Purata hasil dapatan tinggi jika dibandingkan dengan purata nasional pekebun kecil persendirian iaitu 8 tan/ekar/setahun. Implikasi kajian ini ialah strategi berkesan harus disusun yang melibatkan MPOB dan juga PKS ini dalam menggalakkan lebih ramai orang tempatan untuk berkerja dalam industri ini supaya industri sawit negara tidak berterusan bergantung kepada buruh asing.

**Kata kunci:** Pekebun Kecil Sawit (PKS); buruh lokal; buruh asing; produktiviti; Buah Tandan Segar (BTS)

**Abstract:** The palm oil industry in Malaysia, particularly in Sarawak, is facing a labor shortage issue, especially after the country was affected by COVID-19. Many foreign workers were unable to re-enter Malaysia due to restrictions imposed by the government. As a result, local workers had to be employed to perform tasks that were previously done by foreign laborers. This study aims to identify the productivity of local labor by Smallholders (PKS) in Serian, Sarawak. A total of 56 respondents were selected as study samples using purposive sampling methods. The selected respondents are smallholders who employ local labor to work in their plantations. The study found that the local labor used consists of family members, relatives, and village workers. No local workers from outside the area were hired. The types of involvement include tasks such as tapping trees, fertilizing, pruning, harvesting fruit, collecting fruit, loading fruit onto trucks, and driving trucks. In terms of Fresh Fruit Bunch (BTS) production, the monthly yield of BTS per ton shows that most smallholders achieve an average monthly yield of 1 to 2 tons of BTS for every 1 to 2 acres of land cultivated for oil palm planting, which is equivalent to 12 tons per acre per year. The average yield is

high compared to the national average for private smallholders, which is 8 tons per acre per year. The implications of this study suggest that effective strategies should be formulated involving the Malaysian Palm Oil Board (MPOB) and these smallholders to encourage more locals to work in this industry so that the country's palm oil sector does not continue to rely on foreign labour.

**Keywords:** Smallholders (PKS); local labor; foreign labor; productivity; Fresh Fruit Bunch (BTS)

## Pengenalan

Industri sawit di Malaysia masih terus bergantung kepada tenaga buruh yang ramai untuk melaksanakan kerja-kerja penanaman, penuaian, pemprosesan, pengilangan dan pengedaran. Industri ini terus bergantung kepada buruh asing kerana rakyat tempatan kurang gemar melakukan kerja-kerja bersifat 3D, iaitu kotor, bahaya dan susah. Kekosongan yang ditinggalkan oleh penduduk tempatan yang lebih memilih pendidikan tinggi serta pekerjaan yang bergaji lebih lumayan meningkatkan kebergantungan Malaysia kepada buruh asing sehingga seramai 505 ribu orang pekerja asing terlibat dalam sektor pertanian pada tahun 2019 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020). Antara negeri yang terkesan akibat pengurangan buruh asing ini adalah negeri Sarawak. Negeri ini merupakan negeri terbesar yang mempunyai penanaman kelapa sawit di Malaysia iaitu sebanyak 1.555 juta hektar (Anon, 2018).

Kawalan ketat sempadan oleh kerajaan telah menjelaskan pengambilan tenaga kerja asing yang diperlukan sama ada untuk pengambilan baharu atau menggantikan pekerja yang tamat tempoh dan perkara itu menyebabkan operasi ladang terjejas terutamanya produktiviti sawit dari segi hasil pengeluaran buah tandan segar selain isu jumlah tenaga kerja yang telah dikurangkan (Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak (SALCRA), 2020). Selari dengan initiatif global, seperti Agenda Pembangunan Mampan 2030, beberapa negara telah memperkenalkan dasar untuk meningkatkan produktiviti pertanian, terutama di negara-negara di mana pertanian merupakan sektor ekonomi utama dan jurang produktiviti di antara sektor primer dan industri dan perkhidmatan lain yang luas (Food and Agriculture Organization of the United Nation 2017). Kesatuan Negara-negara Afrika misalnya telah melihat betapa pentingnya peranan produktiviti pertanian dalam agenda ekonomi dan sosial negara-negara membangun (Food and Agriculture Organization of the United Nation, 2017). *The Declaration on Agriculture and Postharvest Losses* telah dilancarkan pada tahun 2014 dengan meletakkan pertumbuhan produktiviti pertanian sebagai objektif Afrika untuk mencapai pertumbuhan yang dipimpin oleh pertanian dan memenuhi sasarannya pada makanan dan keselamatan pemakanan. Dalam Deklarasi itu, dinyatakan bahawa untuk mengakhiri rasa lapar di Afrika menjelang 2025, sekurang-kurangnya dua kali ganda produktiviti pertanian diperlukan dari tahap semasa.

Peningkatan produktiviti buruh membolehkan industri atau ekonomi menghasilkan jumlah yang sama atau lebih banyak output dengan pekerja yang lebih sedikit (Langemeier, 2018). Oleh kerana produktiviti buruh secara langsung berkaitan dengan output, ia memberi kesan besar terhadap pertumbuhan ekonomi dan taraf hidup sesebuah negara. Produktiviti buruh telah digambarkan sebagai mungkin penyumbang ekonomi dan sosial untuk kesejahteraan, terutamanya melalui penglibatan penduduk dalam pekerjaan pertanian (World Bank, 2012; Nolte & Ostermeier, 2017).

Bagi negara ini, beberapa strategi telah dilaksanakan oleh kerajaan melalui MPOB dengan meningkatkan penggunaan mekanisasi atau peralatan untuk memudahkan kerja lapangan serta meningkatkan kecekapan perlادangan dan produktiviti buruh. Mekanisasi ini termasuklah penggunaan Cantas (penuaian dengan pemotong bermotor) bagi memudahkan aktiviti penuaian, *grabber* (jentera untuk memungut dan mengangkat tandan kelapa sawit yang telah diubah suai dengan menggunakan hidraul sebagai sumber kuasa dan penderia cahaya sebagai sistem kawalan), treler motosikal, *rhyno* (jentera kompak pelbagai guna) dan beluga untuk aktiviti pengangkutan BTS. Penggunaan kaedah ini akan meningkatkan produktiviti dan merupakan antara alternatif bagi mengatasi isu kekurangan tenaga kerja. Sebagai contoh, penuaian dengan menggunakan Cantas akan meningkatkan produktiviti setiap pekerja daripada 1 tan BTS sehari kepada 2.2 tan BTS sehari (Azman et al., 2015). Kerajaan turut menawarkan insentif khusus dengan menaikkan kadar upah

kepada buruh lokal bagi menyertai sektor perladangan ini. Insentif ini dijangka dapat menarik minat khususnya golongan muda untuk terbabit dalam sektor perladangan (Zaky, 2020).

Namun begitu, industri sawit kini sedang berhadapan dengan masalah kekurangan buruh asing yang disebabkan oleh sekatan kemasukan. Buruh asing dari negara Indonesia kini mempunyai pilihan untuk bekerja di ladang-ladang sawit di Indonesia yang semakin pesat berkembang tanpa perlu untuk bermigrasi ke Malaysia dan meninggalkan keluarga mereka (Crowley, 2020). Negeri Sarawak khususnya mengalami tumparan hebat ekoran pembekuan pengambilan pekerja asing memandangkan negeri tersebut memiliki kawasan tanaman sawit terbesar di seluruh Malaysia iaitu seluas 1.57 juta hektar. Industri kelapa sawit negara dianggarkan mengalami kerugian kira-kira RM10 bilion setahun ekoran masalah kekurangan tenaga buruh asing yang diburukkan lagi dengan situasi pandemik COVID 19. Industri huluan kelapa sawit sangat bergantung kepada buruh asing dan kekurangan tenaga kerja dalam sektor ini adalah sekitar 32 ribu orang. Kajian Institut Penyelidikan Khazanah (KRI) mendapati bahawa kekurangan buruh asing lebih memudaratkan kedua-dua ladang dan pekebun kecil dalam industri minyak sawit negara berbanding penurunan harga global, iaitu pengurangan buruh sebanyak 30% dari tahap semasa akan menyaksikan pengeluaran menurun sebanyak separuh, dan penurunan sebanyak 80% akan menyebabkan kemusnahan sistem dengan pengeluaran hanya 20% daripada perniagaan biasa. Situasi ini menjelaskan sektor kelapa sawit kerana kebergantungan tinggi kepada pekerja asing, iaitu hampir 80%, terutama dalam kerja penuaan dan berkaitan lapangan (Arshad et al., 2020). Justeru, apabila terputusnya kebergantungan terhadap buruh asing menjadikan pekebun kecil sawit beralih kepada buruh-buruh lokal bagi menampung keperluan tenaga kerja yang amat diperlukan di ladang-ladang sawit.

Pengambilan buruh lokal bagi menggantikan tenaga buruh asing mempunyai cabarannya tersendiri terutamanya dalam menjana persekitaran yang produktif kerana kemahiran buruh lokal tidak setanding buruh asing yang telah biasa bekerja dalam persekitaran 3D. Jelas bahawa produktiviti pekerja asing mempengaruhi pengeluaran industri sawit, dan seterusnya pengurangan buruh asing menjelaskan produktiviti industri sawit secara keseluruhan. Produktiviti buruh asing di sektor pertanian merupakan yang terendah berbanding sektor perkhidmatan dan pembuatan, namun tenaga kerja yang diperlukan dalam sektor pertanian adalah tertinggi (Stephen N. Broadberry & Irwin, 2004). Dalam industri sawit, produktiviti buruh sangat penting kerana ia mempunyai pengaruh yang besar terhadap prestasi keseluruhan industri tersebut. Ini mendorong pekebun kecil sawit untuk mencari penyelesaian alternatif bagi meningkatkan produktiviti pekerja sedia ada dan menampung pengeluaran yang dijangkakan. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti produktiviti buruh lokal dalam pertanian kelapa sawit di Serian, Sarawak.

## Sorotan Literatur

Produktiviti buruh adalah salah satu istilah utama yang menentukan untung dan rugi sesebuah organisasi. Produktiviti buruh ialah subdomain produktiviti organisasi keseluruhan, tetapi produktiviti organisasi sangat bergantung pada produktiviti buruh. Menurut Ratna et al. (2021), produktiviti buruh adalah penting bukan sahaja untuk prestasi organisasi tetapi juga untuk pembangunan mampan. Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD, 2002), menakrifkan produktiviti sebagai nisbah ukuran volum keluaran kepada ukuran penggunaan input. Antara ukuran produktiviti lain seperti produktiviti pelbagai faktor atau produktiviti modal, produktiviti buruh amat penting dalam analisis ekonomi dan statistik sesebuah negara. Produktiviti buruh juga merupakan petunjuk yang mendedahkan beberapa petunjuk ekonomi kerana ianya menawarkan ukuran dinamik pertumbuhan ekonomi, daya saing dan taraf hidup dalam ekonomi. Ianya membantu menjelaskan asas ekonomi utama yang diperlukan untuk keduadua pertumbuhan ekonomi dan pembangunan sosial. Manakala menurut Perbadanan Produktiviti Negara (1997), produktiviti ialah keupayaan bagi menghasilkan output daripada sejumlah input yang digunakan. Peningkatan di dalam produktiviti berlaku apabila pencapaian output yang dihasilkan adalah secara lebih baik dengan cara penggunaan jumlah sumber-sumber input yang sama ataupun berkurangan. Dengan adanya peningkatan produktiviti buruh, ianya dapat memberi sumbangan kepada peningkatan taraf hidup, pengurangan inflasi, peningkatan daya saing, peningkatan imbangan perdagangan dan kuali hidup yang lebih baik.

Produktiviti buruh telah menjadi kebimbangan utama bagi semua ekonomi kerana ia merupakan penunjuk utama prestasi ekonomi yang berkait rapat dengan daya saing ekonomi, pertumbuhan ekonomi dan taraf hidup. Secara amnya, produktiviti buruh ditakrifkan sebagai jumlah volum keluaran yang dihasilkan setiap unit buruh. Penyelidik terdahulu mendefinisikan produktiviti buruh dalam pelbagai cara. Menurut Day et al. (2018), produktiviti buruh adalah sejauh mana keberkesanan pekerjaerosot semasa bekerja. Produktiviti buruh diukur oleh He dan Ji (2021) sebagai jumlah masa buruh bekerja (iaitu jam kerja tahunan dan purata bulan bekerja) dan upah seunit mereka (iaitu purata gaji setiap jam). Beberapa karya terdahulu mengenai produktiviti telah menggunakan nilai tambah bagi setiap pekerja untuk mengukur produktiviti buruh (Lebedinski & Vandenberghe, 2014; Tang, 2014). Beberapa penyelidik lepas mengukur produktiviti buruh sebagai logaritma jualan sebenar bagi setiap bilangan pekerja (Avarmaa et al. 2013; Dimelis & Louri, 2002). Manakala yang lain mengukur produktiviti buruh melalui output setiap orang yang bekerja (Cristea et al. 2020). Peningkatan dalam produktiviti buruh akan meningkatkan kecekapan pengeluaran pertanian dalam industri pertanian (Vorontsov, 1978). Langkah meningkatkan produktiviti buruh adalah penting dalam menganalisis prestasi mana-mana sektor ekonomi tetapi ia amat penting dalam pertanian, di mana petani juga berkelakuan sebagai usahawan dan pembekal produk agromakanan.

Selim (2012) mengira produktiviti buruh dengan purata kadar upah untuk musim tanaman padi di negara Bangladesh, dengan kadar upah wanita dan lelaki purata melebihi sehari tanpa makan. Produktiviti buruh dikira oleh Arouna et al. (2021) sebagai nisbah hasil bijirin kepada jumlah hari buruh yang diperlukan untuk satu hektar pengeluaran padi di negara Afrika. Produktiviti buruh adalah lebih daripada sekadar ukuran kecekapan yang lebih luas, ia juga berkaitan secara langsung dengan nilai ekonomi bersih atau pulangan atas modal yang merupakan komponen penting dalam tingkah laku pelaburan firma. Menurut Langemeier (2018), kecekapan dan produktiviti buruh boleh dipertingkatkan dengan memeriksa kos seunit antara input dan membuat pelarasian yang sesuai kepada campuran input ladang (iaitu, buruh, modal, dan perkadaran kos input yang dibeli); dengan meningkatkan modal fizikal setiap pekerja; dengan meningkatkan modal insan setiap pekerja; dan/atau dengan menggunakan teknologi baharu. Obike et al. (2016) pula menyimpulkan bahawa tahap pendidikan, pengalaman dan saiz ladang merupakan penentu produktiviti buruh manakala bahan tanaman, penggunaan baja dan modal adalah penentu keluaran yang ketara dalam kalangan petani koko di Abia, Nigeria. Menurut Faridi dan Basit (2011) melalui kajian yang dilaksanakan di negara Pakistan, sektor pertanian luar bandar yang lebih tertumpu kepada penerokaan faktor yang menentukan penyertaan pasaran buruh lokal. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa pendidikan, Indeks Modal Ekonomi, dan Indeks Modal Sosial mempunyai kesan yang besar terhadap penawaran buruh luar bandar dalam sektor pertanian.

Selain itu, bilangan ternakan dan langkah pemilikan tanah mempunyai kesan yang besar terhadap penyertaan tenaga buruh luar bandar. Penyelidik juga telah memberi beberapa cadangan penambahbaikan bagi meningkatkan lagi produktiviti buruh dalam bidang pertanian seperti institusi pengajian asas dan tinggi perlu diwujudkan di kawasan luar bandar terutamanya pendidikan pertanian dan kerajaan perlu menambah baik infrastruktur luar bandar dengan menyediakan bekalan elektrik, kemudahan kesihatan dan infrastruktur jalan bagi meningkatkan kualiti kehidupan penduduk.

Kajian oleh Inna et al. (2016) berkenaan kecekapan faktor buruh dalam industri pertanian di negara Kazakhstan pula mencadangkan agar syarikat-syarikat yang semakin berkembang perlu menganjurkan kursus untuk pekerja masa depan mereka untuk mempromosikan latihan pantas dan latihan semula mereka dalam tempoh yang singkat. "Pendidikan berterusan" harus menjadi prinsip asas pembelajaran, termasuk pembelajaran melalui pertukaran buruh. Mereka turut mencadangkan untuk mewujudkan sekolah antara republik di Kazakhstan bagi latihan semula dan latihan lanjutan pekerja dan penganggur di institusi pendidikan sedia ada. Program pertukaran buruh wajar dilaksanakan oleh badan berkaitan yang bertanggungjawab untuk latihan berkenaan dengan bahagian pentadbiran dan wilayah dengan merujuk kepada analisis dan ramalan pekerjaan, akan menentukan fokus tematik latihan, senarai institusi pendidikan, serta satu set program latihan. Norbert dan Robert (2018) pula dalam kajian produktiviti buruh dalam pertanian di negara Hungary menyatakan terdapat beberapa peluang untuk meningkatkan produktiviti buruh pertanian seperti peningkatan kelayakan tenaga buruh, bergerak ke arah menghasilkan produk makanan pertanian bernilai tambah lebih tinggi, peremajaan penduduk dalam pertanian dan menambah baik syarat pembiayaan pertanian.

Menurut Siti Mashani et al. (2017) tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam produktiviti dalam kalangan buruh asing di ladang kelapa sawit dan pemberian insentif dalam bentuk kewangan dapat meningkatkan produktiviti buruh ladang. Bagi meningkatkan produktiviti buruh ladang kelapa sawit, Azman, Siti dan Zuraihan (2015) mencadangkan agar pemilik ladang mengamalkan mekanisasi, terutamanya untuk penuaian dan pengumpulan BTS di ladang. Kajian turut mencadangkan agar sistem pengangkutan BTS (MFTS) berjentera dapat digunakan bagi mengurangkan bilangan pekerja yang diperlukan dalam mengurangkan kos pengangkutan serta kos pengeluaran.

## Metodologi

Kajian ini telah dilaksanakan di daerah Serian, Sarawak. Daerah ini merupakan sebahagian daripada bahagian Serian yang telah digazetkan pada 1 Ogos 2015 susulan pemisahannya dengan bahagian Samarahan. Bahagian Serian terdiri daripada tiga daerah iaitu daerah Serian, daerah Tebedu dan terletak kira-kira 62 kilometer dari selatan ibu negeri Kuching, serta 42 kilometer dari sempadan Malaysia-Indonesia di Tebedu. Daerah ini mempunyai 239 buah kampung dengan keluasan 2,405 km persegi. Serian terkenal dengan kawasan yang kaya dengan hasil pertanian yang turut menjadi sumber pendapatan utama penduduknya. Hasil pertanian meliputi padi, kelapa sawit, koko, lada hitam, getah, buah-buahan dan sayur-sayuran selain menjalankan aktiviti ekonomi yang lain. Komoditi kelapa sawit merupakan pengeluaran pertanian utama negeri Sarawak dan daerah Serian merupakan daerah yang mempunyai bilangan peserta yang paling ramai menanam kelapa sawit di negeri ini. (Pentadbiran Bahagian Serian, 2016). Terdapat seramai 275 orang PKS yang menggunakan buruh lokal di Serian. Senarai responden diperolehi daripada MPOB (Malaysian Palm Oil Board) yang terdiri daripada PKS yang mengupah buruh lokal serta telah menerima Pensijilan Minyak Sawit Mampan (MPSO) daripada MPOB. Walau bagaimanapun, semasa kerja lapangan dilakukan hanya 56 orang responden sahaja yang dapat memberikan kerjasama walaupun sasaran responden ialah seramai 80 orang. Ini disebabkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) yang menyebabkan enumerator dilantik tidak dapat bergerak bebas untuk mencari responden bagi memenuhi sasaran yang telah ditetapkan. Sehubungan itu, sampel yang diperolehi hanyalah seramai 56 orang PKS sahaja. Selain itu, data sekunder juga digunakan untuk membolehkan pengkaji membandingkan hasil kajian-kajian lepas dan merangka kerangka konseptual kajian serta konsep-konsep berkaitan kajian.

## Hasil Kajian dan Perbincangan

### 1. Latar Belakang Responden

Dapatan kajian menunjukkan kebanyakan responden berumur di antara 46 hingga 65 tahun iaitu seramai 32 orang. Sebanyak 25.4% daripada jumlah responden adalah lelaki berumur dalam lingkungan 46 hingga 55 tahun manakala 35.7% pekebun kecil sawit adakah dalam lingkungan 56 ke 64 tahun. Jika melihat dari segi pengalaman, hampir separuh daripada mereka (46.4%) mempunyai pengalaman mengusahakan kebun sawit selama 5 hingga 10 tahun. Manakala 35.7 % mempunyai pengalaman kurang daripada 5 tahun, dan 17.9 % mempunyai pengalaman lebih 10 tahun, iaitu 11 hingga 15 tahun. Ini menunjukkan bilangan pekebun kecil sawit kekal berkembang selaras dengan permintaan terhadap eksport minyak sawit negara.

Sebanyak 64.29% atau 36 orang memiliki tanah seluas 2 hingga 4 hektar yang diusahakan bagi tanaman kelapa sawit. Analisis deskriptif juga mendapati seramai 60.98% PKS berupaya memperoleh sebanyak 2 hingga 4 tan buah tandan segar dalam sebulan. Kajian juga mendapati hampir separuh daripada PKS iaitu sebanyak 49.2% memperuntukkan sebanyak RM1000 hingga RM2000 untuk penjagaan dan penyelenggaraan kebun kelapa sawit mereka. Sebilangan besar daripada PKS iaitu 67.9% memperuntukkan kurang daripada RM5000 setahun untuk membeli jentera atau mesin. Hanya 3 orang pekebun kecil sawit memperuntukkan sekurang-kurangnya RM11,000 setahun untuk mesin dan jentera.

Jadual 1. Latar belakang responden

Latar belakang	Kekerapan	Peratus (%)
<b>Kategori Umur</b>		
26 – 35 tahun	9	16.1
36 – 45 tahun	9	16.1
46 – 55 tahun	12	25.4
56 – 65 tahun	20	35.7
66 tahun dan ke atas	6	10.7
<b>Peruntukan Mesin dan Jentera</b>		
Kurang dari RM5000	38	67.9
RM5001 – RM10000	15	26.8
RM11000 – RM15000	3	5.4
<b>Tahun pengalaman</b>		
Kurang daripada 5 tahun	20	35.7
5 – 10 tahun	26	46.4
11 – 15 tahun	10	17.9
<b>Keluasan tanah dimiliki (ekar)</b>		
Kurang dari 2 ekar	7	12.5
2 – 4 ekar	36	64.29
4 – 6 ekar	10	17.86
6 – 8 ekar	2	3.57
Lebih dari 8 ekar	1	1.79
<b>Buah Tandan Segar (tan)</b>		
Kurang dari 2 tan	6	9.76
2 – 4 tan	34	60.98
4 – 6 tan	11	19.51
6 – 8 tan	2	4.88
Lebih dari 8 tan	2	4.88
<b>Kos Penjagaan Sebulan</b>		
Kurang RM1000	14	25.49
>RM1000 – RM2000	28	49.02
>RM2000 – RM3000	9	15.69
>RM3000 – RM4000	4	7.84
Lebih dari RM4000	1	1.96

## 2. Penglibatan Buruh Lokal dalam Pertanian Kelapa Sawit di Serian

Seterusnya analisis data adalah untuk mengenal pasti penglibatan buruh lokal dalam pertanian kelapa sawit. Jadual 2 menggambarkan penyertaan buruh lokal di dalam industri kelapa sawit, dengan sekurang-kurangnya 42.9% daripada PKS mengupah seramai 4 hingga 6 orang buruh lokal, 41.1% mengupah seramai 1 hingga 3 orang buruh lokal, manakala selebihnya mengupah lebih daripada 6 orang buruh lokal. Dari segi pilihan pengambilan buruh lokal, sebanyak 91.7% memilih untuk mengupah buruh lokal secara kontrak. Berbeza dengan lantikan sepenuh masa, buruh kontrak hanya perlu datang ke kebun kelapa sawit hanya apabila diperlukan.


Dapatan kajian juga mendapati antara sebab-sebab utama PKS menggunakan buruh lokal adalah untuk menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan (98.21%), diikuti dengan faktor sikap buruh lokal yang lebih mudah menerima arahan (75%) dan senang di urus (71.43%), tindakan kerajaan menghentikan pengambilan buruh asing (64.29%), mudah mendapatkan buruh lokal (64.29%) dan kadar upah yang murah berbanding upah buruh asing (21.43%). Manakala seramai 92.90% dari PKS membayar pekerja secara kontrak berbanding 10.7% yang membayar upah berdasarkan bilangan pokok kelapa sawit. Pengelasan buruh lokal juga didapati seragam dalam kalangan tiga kumpulan utama iaitu 33.90% daripada kalangan ahli keluarga terdekat, 32.10% buruh lokal adalah saudara mara, dan 33.90% pula terdiri daripada pekerja kampung. Berdasarkan penemuan tersebut, jelas bahawa faktor kerajaan menghentikan import buruh asing bukanlah pendorong utama kepada pekebun kecil sawit menggunakan buruh lokal.

Jadual 2. Penglibatan buruh lokal dalam industri kelapa sawit

Latar belakang responden	Kekerapan	Peratus
<b>Bilangan buruh lokal</b>		
1-3 orang	23	41.1%
4-6 orang	24	42.9%
7-10 orang	8	14.3%
11 orang dan lebih	1	1.8%
<b>Pilihan Penggajian buruh</b>		
Kontrak	44	78.60%
Sepenuh masa	4	7.10%
Kedua-dua (kontrak dan sepenuh masa)	8	14.3%
<b>Sebab mengupah buruh lokal</b>		
Upah murah	12	21.40%
Senang didapati	36	64.30%
Menyediakan peluang pekerjaan	55	98.20%
Mudah diuruskan	40	71.40%
Mudah menerima arahan	42	75.00%
Faktor kerajaan	36	64.30%
<b>Kaedah pembayaran upah</b>		
Bilangan pokok	6	10.70%
Berasaskan kontrak	52	92.90%
<b>Klasifikasi buruh lokal</b>		
Ahli keluarga	19	33.90%
Saudara mara	18	32.10%
Pekerja kampung	19	33.9%


### 3. Jenis Penglibatan Buruh Lokal

Produktiviti buruh lokal dikira berdasarkan output daripada aktiviti rutin yang terdiri daripada memancit pokok kelapa sawit, membaja, memangkas pelepas sawit, menjolok buah sawit, mengutip buah sawit dan seterusnya memungkah buah sawit ke dalam lori. Berdasarkan Rajah 1, hampir semua PKS memerlukan 2 atau 3 orang untuk melaksanakan tugas-tugas seperti memancit pokok, membaja, memangkas, menjolok buah, mengutip buah serta memungkah buah ke dalam lori. Lebih ramai pekerja diperlukan untuk tiga proses utama iaitu membaja pokok dan kerja-kerja memangkas pokok berbanding tugas-tugas yang lain. Walau bagaimanapun PKS hanya memerlukan seorang pekerja saja untuk menjadi pemandu lori.




Rajah 1. Bilangan buruh lokal untuk kerja tertentu

Rajah 2 menunjukkan bilangan buruh lokal yang dibayar secara kontrak untuk tugas di ladang tersebut. Kebanyakan PKS membayar buruh lokal secara kontrak untuk melaksanakan kerja-kerja seperti memancit pokok (55.40%), membaja (57.10%), memangkas (46.40%), menjolok buah (39.30%), memetik buah (41.10%) dan memunggah buah ke dalam lori (39.30%).



Rajah 2. Bilangan buruh lokal yang dibayar mengikut kontrak

Rajah 3 melaporkan bayaran buruh tempatan yang dibayar secara kontrak untuk kerja yang berbeza di ladang. Majoriti pekebun kecil membayar buruh sebanyak RM50 untuk memancit pokok (42.90%), membaja (58.90%) dan memangkas (46.40%). Buruh lokal dibayar sebanyak RM50 atau RM60 untuk tugas seperti menjolok buah, memetik buah, dan memunggah buah ke dalam trak. Manakala, bayaran untuk pemandu lori adalah yang tertinggi iaitu sebanyak RM100, tetapi hanya 7.10% pekebun kecil membayar pemandu lori pada kadar ini. Sebaliknya, kira-kira 8.90% pekebun kecil membayar RM50 sahaja kepada pemandu lori.



Rajah 3. Upah buruh lokal (Bayaran secara kontrak)

#### 4. Produktiviti Penggunaan Buruh Lokal

Menurut DOSM, produktiviti adalah keupayaan untuk menghasilkan output daripada satu set input yang diberikan yang boleh mengukur kecekapan dan keberkesanan dalam penggunaan sumber secara optimum dan

menukar input tersebut kepada output berguna. Produktiviti mengukur jumlah output yang boleh dihasilkan dengan input yang diberikan pada mana-mana tempoh masa tertentu atau teknologi, iaitu nisbah output yang dihasilkan kepada input digunakan. Formula bagi pengiraan output adalah:

$$\text{Produktiviti} = \frac{\text{Output}}{\text{Input}}$$

Berdasarkan bilangan luas tanah yang diusahakan oleh PKS dengan bilangan penghasilan Buah Tandan Segar (BTS /tan) sebulan, kebanyakan PKS memperolehi purata hasil dapatan sebulan sebanyak 1 hingga 2 tan BTS bagi setiap 1 hingga 2 ekar tanah yang diusahakan untuk penanaman kelapa sawit iaitu bersamaan 12 tan/ekar/tahun. Purata hasil dapatan tinggi jika dibandingkan dengan purata nasional pekebun kecil persendirian iaitu 8 tan/ekar/setahun (Tan, Novel & Khairuman 2020). Pencapaian ini turut dipengaruhi oleh penglibatan yang serius pihak MPOB dalam membantu pihak PKS dengan segala bantuan khidmat nasihat yang diperlukan untuk memastikan produktiviti dan kualiti buah.

Jadual 3. Tabulasi bersilang penghasilan bilangan Buah Tandan Segar (BTS) berdasarkan keluasan tanah

Bil. ekar tanah	Bil. tan buah tandan segar (BTS)/sebulan					Jumlah
	< 2 Tan	2 - 4 Tan	4 - 6 Tan	6 - 8 Tan	> 8 Tan	
< 2 Ekar	5	2	-	-	-	7
2 - 4 Ekar	-	32	3	1	-	36
4 - 6 Ekar	-	-	8	2	-	10
6 - 8 Ekar	-	-	-	-	2	2
> 8 Ekar	-	-	-	-	1	1
<b>Jumlah</b>	<b>5</b>	<b>34</b>	<b>11</b>	<b>3</b>	<b>3</b>	<b>56</b>

## Kesimpulan

Salah satu cara efektif untuk menangani kekurangan buruh dalam industri sawit ialah menggalakkan penglibatan buruh lokal. Pelaksanaan langkah *quick wins* oleh kerajaan selama ini dalam mengatasi isu kekurangan buruh dengan mengimport buruh asing telah memberikan kesan yang negatif akibat daripada pandemik COVID-19 yang melanda. Langkah yang lebih komprehensif dengan meningkatkan keterlibatan buruh lokal perlu dilaksanakan agar bekalan buruh negara terutamanya dalam industri yang memberi pulangan yang tinggi terhadap ekonomi negara iaitu kelapa sawit dapat diatasi untuk tempoh jangka masa yang panjang. Usaha ini bukan sahaja melibatkan kerajaan tetapi juga di pihak PKS sendiri harus bijak mencari alternatif untuk mengatasi masalah kekurangan buruh. Pada masa yang sama produktiviti dan kualiti buah yang dihasilkan haruslah setanding dengan apa yang dapat dihasilkan oleh buruh asing. Strategi untuk meningkatkan produktiviti buruh lokal dan pelan peralihan wajar dilaksanakan dengan kadar segera bagi memastikan industri ini kekal memberi sumbangan yang positif bukan sahaja kepada pekebun-pekebun kecil kelapa sawit malahan kepada ekonomi negara.

**Penghargaan:** Penyelidikan ini mendapat tajaan geran MPOB-UKM Endowmen EP2020-036.

**Konflik Kepentingan:** Kajian ini tidak melibatkan kepentingan mana-mana pihak.

## Rujukan

- Arshad, M. N. M., & Malik, Z. A. (2015). Quality of human capital and labor productivity: a case of Malaysia. *International Journal of Economics, Management and Accounting*, 23(1). <https://doi.org/10.31436/ijema.v23i1.289>.

- Abdullah, N., Ahmad, S. A., & Ayob, M. A. (2016). Labour force participation of rural youth in plantation sector of North Peninsular Malaysia. *Journal Ekonomi Malaysia*, 50(2): 83-92.
- Ayob, M. A., Abdullah, N., Ali, J., & Kamaruddin, R. (2015). Perception of local youth in Sabah towards career in oil palm plantation. *Asia Pacific Journal of Advanced Business and Social Studies*, 1(1), 239-246.
- Crowley, MZ. (2020). Kekurangan Buruh Asing dalam Industri Minyak Sawit Malaysia: Kesan dan Syor. *Jurnal Pertanian dan Pembangunan Asia*, 17(2), 1–18.
- Ismail, A., Ahmad, S. M., & Sharudin, Z. (2015). Labour productivity in the Malaysian oil palm plantation sector. *Oil Palm Industry Economic Journal*, 15(2), 1-10.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2019a). Akaun Negara, Keluaran Dalam Negeri Kasar 2015-2018.[https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/3\\_Time%20Series/Malaysia\\_Time\\_Series\\_2016/01\\_Akaun\\_Negara.pdf](https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/3_Time%20Series/Malaysia_Time_Series_2016/01_Akaun_Negara.pdf).
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2019b). Perangkaan Perdagangan Luar Negeri Bulanan. [https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemeByCat&cat=139&bul\\_id=ZTZmdmpWakMrVHJZdVJsbmZZRU1BQT09&menu\\_id=azJjRWpYL0VBYU90TVhpclByWjdMQT09](https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemeByCat&cat=139&bul_id=ZTZmdmpWakMrVHJZdVJsbmZZRU1BQT09&menu_id=azJjRWpYL0VBYU90TVhpclByWjdMQT09).
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2019c). Indikator pertanian terpilih Malaysia 2019. <https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/pdfPrev&id=dmV5aXJUU3dJMUDZWfpYTmkYZEloUT09>.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2021a). Statistik Poket S3 2021. <https://cloud.stats.gov.my/index.php/s/x4xSjTYRTuPCo8e#pdfviewer>.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2021b). Penunjuk Pertanian Terpilih, Malaysia, 2021. Portal Rasmi Jabatan Perangkaan Malaysia. [https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemeByCat&cat=72&bul\\_id=TDV1YU4yc1Z0dUVyZ0xPV0ptRlhWQT09&menu\\_id=Z0VTZGU1UHBUT1VJMF1paXRRR0xp](https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemeByCat&cat=72&bul_id=TDV1YU4yc1Z0dUVyZ0xPV0ptRlhWQT09&menu_id=Z0VTZGU1UHBUT1VJMF1paXRRR0xp).
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2022). Statistik tenaga buruh Malaysia 2021. Portal Rasmi Jabatan Perangkaan Malaysia. [https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/5\\_Gallery/2\\_Media/4\\_Stats%40media/4-Press\\_Statement/2022/05.%20MEI/STATISTIK%20TENAGA%20.BURUH%2C%20MALAYSIA%2C%20MAC%20%26%20ST1%202022.pdf](https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/5_Gallery/2_Media/4_Stats%40media/4-Press_Statement/2022/05.%20MEI/STATISTIK%20TENAGA%20.BURUH%2C%20MALAYSIA%2C%20MAC%20%26%20ST1%202022.pdf).
- Hapriza Ashari. (2004). *Undang-undang Pekerjaan: Huraian dan Panduan Terhadap Akta Kerja 1955*. Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- MPOC. (2021a). *Malaysian Palm Oil Industry*. Malaysian Palm Oil Council. <https://mpoc.org.my/malaysian-palm-oil-industry/>.
- MPOC. (2021b). *Nearly 1m work in Oil Palm Industry*. Malaysian Palm Oil Council. <https://mpoc.org.my/nearly-1m-work-in-oil-palm-industry/>.
- Muruga a/l Krishnan. (2019). Analisis terhadap pengeluaran buah tandan segar, pengeluaran dan kadar perahan minyak sawit di Malaysia. Tesis Dr. Fal, Universiti Sains Malaysia.
- Naidu, L., & Moorthy, R. (2021). A Review of Key Sustainability Issues in Malaysian Palm Oil Industry. *Sustainability*, 13, 15-20.
- Pertubuhan Buruh Antarabangsa. (2003). Glosari Istilah Perangkaan ILO. <https://www.ilo.org/ilostat-files/Documents/Statistical%20Glossary.pdf>
- Roslina Kamaruddin, Norehan Abdullah, Mohammad Amizi Ayob. (2018). Determinants of job satisfaction among Malaysian youth working in the oil palm plantation sector. *Journal of Agribusiness in Developing and Emerging Economies*, 8(4), 678-692.
- Suhana Saad, Zaimah, R. & Novel Lyndon. (2021). Use of Local Labour in Oil palm Agriculture. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(9), 19-25.
- Surianshah, W. N. S., Sieng, L. W., Mohd Salleh, N. M., Idris, S. H. M., & Janor, H. (2020). Faktor mempengaruhi penglibatan belia dalam sektor perladangan Kelapa Sawit. *International Journal of Management Studies*, 28(1), 115-140.

- Siti Mashani Ahmad, Ali Nordin, Kamalrudin Mohamed Salleh dan Balu, N. (2017). Labour Productivity Of Harvesters By Country Of Origin Peninsular Malaysia. *Jurnal Ekonomi Industri Kelapa Sawit*, (2), 20-30.
- Stephen N. Broadberry & Douglas A. Irwin. (2004). Labor Productivity in Britain and America During Nineteenth Century. NBER Working Papers 10364, National Bureau of Economic Research, Inc.
- Yoon, D. (2018). Peningkatan pengangguran di kalangan orang muda dan dasar pekerjaan yang lebih baik: Kes Korea Selatan. *Ekonomi dan Sosialologi*, 11(4), 246-264.